

## **Penerbitan Drama Islamik: Analisis Seni Drama dan Proses Kepengarahannya**

WAWARAH SAIDPUDIN  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
wawarah@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Setiap drama mempunyai proses penghasilan yang berbeza bergantung kepada genre drama tersebut. Drama yang mengangkat unsur-unsur agama Islam dan dakwah dikenali sebagai drama Islamik turut mempunyai proses penghasilan yang tentunya perlu berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Maka, kajian ini bertujuan untuk merungkai proses kepengarahannya drama Islamik dan seni kepengarahannya drama Islamik tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan tiga buah drama Islamik yang disiarkan di TV Al-Hijrah. Hasil kajian menemui bagi proses kepengarahannya drama Islamik perlu adanya penyampaian dakwah yang mematuhi syaria Islam, keputusan didasari dengan keredhaan Allah dan bekerjasama dengan agamawan dan ijtihad dalam kepengarahannya. Secara keseluruhannya seni kepengarahannya drama Islamik seharusnya menggambarkan keindahan Islam dan seterusnya mematuhi syariat Islam.

*Kata Kunci: Drama Islamik, Pengarah Islamik, Penerbitan Drama, Seni Kepengarahannya, Proses Pengarahannya*

### **PENGENALAN**

Televisyen adalah sumber hiburan dan juga berupaya untuk mendidik atau mengalirkan ideologi atau kepercayaan kepada penonton (Rieber & Kelly 2014). Televisyen juga menawarkan kepada penonton imajinasi yang berlaku kepada orang lain yang membuatkan kita tertanya-tanya apa yang akan terjadi dalam penceritaan tersebut dan memanjangkan lagi pandangan melebihi jangkaan kita (Smith 2011). Maka dengan adanya kelebihan televisyen sebegitu secara tidak langsung ia boleh dijadikan sebagai medium dakwah yang dilihat paling besar peranannya dalam menyampaikan ilmu tentang Islam bagi membentuk akhlak dan pemikiran manusia.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa inisiatif daripada stesen televisyen ataupun saluran televisyen yang bertujuan untuk mengangkat tema Islamik dalam kandungan rancangannya dengan menerbitkan rancangan informatif seperti rancangan bual bicara ataupun hiburan yang berbentuk drama sebagai menyambut baik saranan dakwah. Rancangan drama ini mempunyai kelebihan kerana melalui jalan penceritaan yang menarik ia dapat memberikan kesan yang mendalam kepada penonton. Justeru itu, sering kali apabila perayaan kebesaran umat Islam disambut di Malaysia seperti Hari Raya Aidil Adha, Aidilfitri, dan sebagainya, stesen televisyen akan berlumba-lumba menyiarkan drama dan telefilem yang mengangkat tema Islam. Selain itu, terdapat juga drama bersiri yang bertemakan Islam yang disiarkan mengikut slot yang disediakan oleh stesen televisyen tersebut kepada penerbit tempatan.

Namun, dalam keterujaan penerbit tempatan menerbitkan drama dan pengarah yang mengarah drama yang bertemakan Islam ini, terdapat beberapa perkara yang sering menjadi

isu perdebatan dalam kalangan agamawan dan pengarah drama tersebut (Zulkiple 2011). Terdapat beberapa drama yang memasukkan elemen dakwah Islam dengan menggunakan latar Islam namun tidak mematuhi syariah Islam yang sebenar dengan menunjukkan beberapa adegan yang mampu mengelirukan penonton dengan menunjukkan babak solat, kemanusiaan, mesej yang baik, doa, tetapi dalam masa yang sama masih ada adegan bersekedudukan, seks bebas, arak, kelab malam dan aurat wanita yang didedahkan dalam karya yang bertemakan Islam tersebut (Rosmawati et al. 2011).

Melalui permasalahan yang diutarakan dan kenyataan daripada sarjana dapat disimpulkan proses kepengarahan drama Islamik perlu dipastikan agar menepati syariah Islam. Maka kajian ini bertujuan untuk merungkai proses kepengarahan drama Islamik dan seni kepengarahan drama Islamik yang dapat diaplikasikan oleh pengarah drama Islamik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah analisis data sekunder dari literatur kajian lepas dan turut menggunakan analisis kandungan kualitatif teknik kepengarahan drama Islamik yang disiarkan di TV Al-Hijrah bertajuk Cinta dan Wahyu, Cinta Kun Fayakun dan Warkah Cinta. Video adalah sumber dokumen yang boleh digunakan untuk analisis kandungan kualitatif (Bogdan & Biklen 1998) dan Othman (2012) menjelaskan kini analisis kandungan kualitatif banyak digunakan dalam media komunikasi (surat khabar, filem, televisyen). Analisis kandungan kualitatif juga bersifat sistematik (Merriam 2001) dengan menggunakan tatacara yang sama dan mempunyai objektif yang diperoleh melalui pemecahan kategori yang jelas dan hubungannya dengan konsep-konsep yang lain (Syed Arabi 2002) serta mempunyai sifat untuk boleh direplikasi atau diulang untuk kajian lain (Krippendorff 1981). Hasil daripada analisis kandungan ini akan menjawab persoalan kajian ini bagi menentukan proses kepengarahan drama Islamik dan kesenian drama Islamik.

## **HASIL KAJIAN**

### **Proses Kepengarahan Drama Islamik**

#### **1. Mematuhi Syariah Islam**

Drama Islamik adalah bertujuan untuk menyampaikan dakwah mengenai kebenaran dan keindahan Islam dan mengangkat tema Islam di dalamnya. Maka, untuk menghasilkan satu produk drama Islamik yang berbeza daripada produk-produk luar sana, drama tersebut haruslah mematuhi syariah Islam kerana dakwah itu seharusnya bersifat menyelamatkan manusia daripada perkara yang dimungkar Allah dan bukan menjerumuskan lagi mereka kepada perkara yang mendatangkan kecelakaan dan dosa.

Selain itu, untuk mengarah drama Islamik iaitu perkara pokok dan utama yang perlu dilakukan oleh pengarah adalah meletakkan niat kerana Allah SWT. Selain itu, perlu ada perubahan pola pemikiran kepada pengarah agar jangan takut dengan istilah patuh syariah kerana ia adalah kewajipan yang perlu dipatuhi oleh umat Islam kerana bersandarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah serta bertujuan untuk menyelamatkan manusia di dunia dan akhirat baik di dalam lakonan atau di luar lakonan.

#### **2. Keputusan Didasari Dengan Keredhaan Allah**

Pengarah drama Islamik juga perlu memastikan drama arahnya mempunyai unsur dakwah dan mematuhi syariah Islam dan itulah yang membezakan produk drama Islamik tersebut dengan produk drama yang sedia ada di luar sana seperti yang disarankan oleh Zulkiple

(2003). Ia boleh dicapai dengan mempercayai bahawa keredaan Allah adalah yang utama dalam menjalani kehidupan ini dan meletakkan hukum agama Islam yang telah ditetapkan oleh Allah sebagai dasar dalam setiap keputusan yang ingin diambil untuk mengarah drama Islamik ini.

### **3. Bekerjasama Dengan Agamawan**

Keputusan yang ingin dibuat mengenai hukum hakam juga bukanlah satu perkara yang boleh dipandang enteng kerana ia melibatkan dosa dan pahala, penilaian di akhirat nanti. Maka, pengarah perlu bekerjasama dengan ahli agamawan untuk memastikan produk drama mereka menyampaikan kebenaran Islam dengan benar dan bukan mendustakan kebenaran Islam. Sikap terbuka daripada pengarah drama Islamik yang menyedari tentang kekurangan diri dan juga sikap terbuka pendakwah yang menggunakan drama sebagai medium dakwah adalah perkara yang perlu diraikan kerana tugas dakwah itu adalah tanggungjawab semua umat Islam.

### **4. Ijtihad Dalam Kepengarahan**

Selain itu, pengarah drama Islamik juga harus kuat dalam menghadapi cabaran daripada masyarakat dan institusi yang cuba untuk menjatuhkan ijtihad Islam kerana kebiasaan mereka dengan ideologi Barat. Andaian seperti populariti, kecantikan, paras rupa untuk menarik penonton menonton drama tidak akan berubah, selagi mana, pengarah sendiri tidak merubah pemikiran mereka sendiri kerana yang paling penting adalah keindahan Islam dan dakwah terhadap agama Islam yang menjadi perkara utama dalam setiap penyampaian drama Islamik itu.

Apabila pengarah sendiri berani keluar daripada kotak pemikiran yang inginkan keuntungan duniawi semata-mata, secara tidak langsung pengarah pun dapat membantu industri seni ini untuk berhijrah ke arah yang diredhai Allah. Sebenarnya untuk kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk menarik pengarah drama Islamik tetapi juga bertujuan untuk menarik perhatian pengarah yang beragama Islam agar bersama-sama melakukan satu perubahan agar industri seni Malaysia bukan sahaja mempunyai kelainan tetapi mendapat keredaan Allah.

### **5. Seni Kepengarahan Drama Islamik**

Melalui hasil kajian yang diperolehi, drama Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta dan Cinta dan Wahyu adalah sebuah drama Islamik yang mempunyai unsur-unsur Islamik di dalamnya dan seterusnya menyampaikan dakwah mengenai agama Islam. Selain itu, drama ini juga bersungguh-sungguh memberi penerangan mengenai agama Islam dan kehidupan umat Islam yang dapat diperolehi melalui latar yang digunakan, set penggambaran, pemakaian umat Islam, dan dialog-dialog yang dilontarkan.

Maka, melalui analisis kandungan bagi tiga drama Islamik dalam kajian ini, pengkaji dapat menyenaraikan beberapa unsur dakwah yang dapat diseimbangkan dengan seni kepengarahan untuk dijadikan rujukan bagi menghasilkan drama Islamik seperti berikut:

- a) Lokasi yang menunjukkan kekuasaan Allah.
- b) Set penggambaran yang berunsurkan Islam dan dakwah (termasuklah props dan watak yang dimainkan oleh pelakon).
- c) Busana lelaki dan wanita yang menutup aurat.
- d) Solekan yang tidak berlebihan (*natural*).
- e) Bunyi yang berunsurkan dialog nasihat yang diperolehi melalui ayat al-Quran.
- f) Bunyi yang berunsurkan dialog nasihat yang diperolehi melalui hadis-hadis Nabi.
- g) Bunyi yang berunsurkan keindahan bacaan ayat al-Quran dari agamawan.
- h) Latar belakang muzik yang memuji Allah, Zikrullah, nasyid.

- i) Skrip yang berlatarkan mengutamakan cinta Allah daripada cinta manusia.
- j) Skrip yang berlatarkan memohon pertolongan daripada Allah SWT dengan berdoa dan beribadat.
- k) Skrip yang berlatarkan menggalakkan aktiviti solat berjemaah dan memakmurkan masjid.
- l) Skrip yang berlatarkan mengeratkan silaturahim antara saudara muslim.

Drama yang mengangkat tema Islam di dalamnya perlu mematuhi syariah Islam yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah untuk memastikan agama Islam itu disampaikan dengan cara yang benar dan bertepatan dengan hukum hakam Islam tersebut). Analisis kandungan menemui, bagi lelaki dan wanita yang berlakon di dalam drama ini yang tidak mempunyai hubungan muhrim ataupun ikatan yang sah perlu menjaga batas perhubungan mereka kerana ia merupakan hukum agama Islam.

Hasil analisis terhadap drama kajian ini juga menemui ciri-ciri patuh syariah yang boleh diaplikasikan untuk menghasilkan drama Islamik iaitu:

- a) Batasan hubungan antara watak pelakon lelaki dan pelakon wanita bukan mahram yang digambarkan mempunyai hubungan keluarga dalam drama mengikut syariat Islam (pemeliharaan aurat/tiada sentuhan).
- b) Batasan hubungan antara pelakon lelaki dan wanita yang membawa watak ajnabi dalam drama mengikut syariat Islam (pemeliharaan aurat/tiada sentuhan).
- c) Babak negatif yang perlu disampaikan mesejnya tetapi dikawal melalui maqasid syariah iaitu melalui memelihara agama, nyawa, harta, akal dan keturunan yang hasilnya adalah mematuhi syariah Islam.



Lokasi yang menunjukkan kekuasaan Allah. (Cinta Kun Fayakun)



Set penggambaran yang berunsurkan Islam dan dakwah (Drama Cinta dan Wahyu)



Bunyi yang berunsurkan keindahan bacaan ayat al-Quran dari agamawan (Drama Warkah Cinta)



Skrip yang berlatarkan memohon pertolongan daripada Allah SWT dengan berdoa dan beribadat.(Drama Warkah Cinta)



Skrip yang berlatarkan mengeratkan silaturahim antara saudara muslim .(Drama Warkah Cinta)



Batasan hubungan antara pelakon lelaki dan wanita yang membawa watak ajnabi dalam drama (Drama Warkah Cinta)



Batasan hubungan antara watak pelakon lelaki dan pelakon wanita bukan mahram yang digambarkan mempunyai hubungan keluarga (Drama Cinta dan Wahyu)



Babak negatif (berdua-duaan) yang perlu disampaikan mesejnya (Drama Cinta dan Wahyu)

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga drama Islamik yang dikaji ini mempunyai ciri-ciri patuh syariah dan menyampaikan dakwah. Kajian mendapati untuk menghasilkan drama Islamik, perlu adanya penyampaian dakwah, dan untuk mencapai matlamat dakwah, kaedah tersebut perlu dipastikan dengan cara yang benar iaitu dengan mematuhi syariah Islam. Secara keseluruhannya seni kepengarahan drama Islamik seharusnya melalui proses kepengarahan yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah, menggambarkan keindahan Islam dan seterusnya mematuhi syariat Islam.

## Rujukan

Al-Quran

Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. 1998. *Qualitative Research for Education : An Introduction to Theory and Methods*. Boston :Allyn & Bacon.

Krippendorff, K.1981. *Content Analysis:An Introduction to its Methodology*. United States: Sage Publications.

- Merriam, S.B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Rieber, R.W. & Kelly, J.R. 2014. *Film, Television, and the Psychology of The Social Dream*. London: Springer
- Rosmawati Mohamad Rasit, Mohd Salleh Hassan, Mohd Nizam Osman & Muhamad Sham Shahkat Ali. 2011. Film as a medium of communication for da'wah: Analysis of religious elements in selected malay films. *Islamiyyat*, 33: 67 – 76.
- Smith, G.M. 2011. *What Media Classes Really Want to Discuss*. New York: Routledge.
- Syed Arabi Idid. 2002. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkiple Abd. Ghani. 2003. *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zulkiple Abd Ghani. 2012. Pengurusan Media dalam Masyarakat Islam. Dlm. Zulkiple Abd. Ghani, Roslizawati Mohd Ramly, Mohd Rushdan Mohd Jailany, Muhamad Yusuf Khalid (pnyt). *Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu*, hlm.119-132. Nilai: USIM.